

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 JULY 2017

KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA (KIP)

# KIP lambang ketinggian Islam: PM

BH  
- 19/7/2017  
pg. 2 -

➔ Pemusatan agensi dalam satu kompleks tingkat mutu khidmat

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**  
suhaila.shahrul@bh.com.my

► Putrajaya

**P**embinaan Kompleks Islam Putrajaya (KIP) di Presint 3 di sini, menjadi bukti perlambangan ketinggian agama Islam di Malaysia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, KIP berperanan secara signifikan sebagai mercu tanda dan kesinambungan kepada kegemilangan pentadbiran Islam.

Katanya, dengan pemusatan agensi agama dalam satu kom-

pleks, hasrat kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan dapat dipertingkatkan.

"Saya gembira kerana apabila sampai di KIP ini, saya merasai perasaan yang penuh dengan kebanggaan, bukan saja sebagai pemimpin negara tetapi sebagai seorang Islam. Kompleks ini sangat indah, tersergam hebat dan unggul, perlambangan ketinggian Islam di Malaysia. Inilah yang saya hasratkan.

"Inilah perlambangan Islam yang ingin kita tonjolkan di Malaysia," katanya ketika melancarkan KIP dan Garis Panduan Umum Tadbir Urus Berteraskan Syariah



**Najib mendengar penerangan daripada Pengerusi Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim** ketika melihat model Kompleks Islam Putrajaya ketika melancarkan KIP dan Garis Panduan Umum Tadbir Urus Berteraskan Syariah (GTU-s) di Putrajaya, semalam.

Info

KIP

- ➔ **Mulai dibina** pada Oktober 2011 dan siap pada 17 Ogos 2016
- ➔ **Dibangunkan** di atas tapak berkeluasan 2.28 hektar
- ➔ **Menempatkan** 11 agensi Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM)

(GTU-s) di sini, semalam.

**GTU-s jadi garis panduan**

Mengenai GTU-s, Perdana Menteri berkata, ia adalah garis panduan bersifat umum sebagai rujukan dan panduan agensi agama tanpa mengetepikan undang-undang dan peraturan sedia ada.

"GTU-s ini bagi memastikan sistem tadbir urus agensi agama yang pelbagai diselia dengan baik dan berkesan. Ia satu lagi bukti kerajaan amat serius dalam memastikan institusi agama ditadbir urus dengan lebih baik dan cekap demi manfaat dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Najib juga berkata, pelancaran

KIP serta Tren Aliran Transit Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) fasa kedua kelmarin, bukti Malaysia bukan negara gagal.

"Pelancaran projek infrastruktur pengangkutan awam moden ber taraf dunia adalah *The Real Kajang Move* yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Apakah ini gambaran negara gagal? Apakah ini gambaran pentadbiran yang mufliis? Adakah ini (contoh) yang membawa kepada Malaysia yang hancur dan perlu diselamatkan?"

"Inilah sebenarnya contoh kehebatan dan keunggulan Malaysia yang harus dibanggakan," katanya.